

Warisan Budaya Sebagai Asas Pembinaan Negara

Mokhtar Saidin

**Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia
mmokh@usm.my**

**KERTAS KERJA YANG DIBENTANGKAN
DI KONVENSYEN SEJARAH NEGARA 2019
“SEJARAH DAN PEMBINAAN NEGARA”
15 - 16 OKTOBER 2019,
TENERA HOTEL, BANDAR BARU BANGI, SELANGOR**

Warisan Budaya Sebagai Asas Pembinaan Negara

Mokhtar Saidin
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia
mmokh@usm.my

ABSTRAK

Kajian arkeologi mendedahkan Malaysia mempunyai bukti prasejarah dan tamadun awal. Rekod terkini menunjukkan negara ini mula dihuni sejak 1.83 juta tahun dahulu sebagai permulaan zaman prasejarah. Bermula dengan kebudayaan Paleolitik yang berasaskan teknologi alat batu, kemudiannya berkembang ke zaman Neolitik di mana mereka menghasilkan tembikar dan akhirnya boleh melebur dan menempa logam di zaman Logam. Sekitar kurun kelapan Sebelum Masihi telah ditemui bukti tamadun awal di negara ini. Ahli arkeologi menemui tapak, artifak dan ekofak. Interpretasi saintifik ke atas setiap temuan membolehkan kita mengetahui budaya, teknologi, aktiviti kehidupan, siapa dan bila. Bukti tinggalan manusia awal ini (artifak dan ekofak) dan landskapnya (tapak) adalah sebagai penanda penting kepada kekayaan dan kepelbagaian warisan budaya sesebuah kawasan, negeri dan negara. Kesemua ini adalah merupakan warisan budaya masa lalu, iaitu warisan arkeologi. Apakah faedah dan sumbangan warisan masa lampau ini kepada kita dan negara? Sehubungan itu kertas kerja ini akan membincangkan sumbangan warisan budaya ini dan peranannya kepada pembinaan negara.

Kata kunci: Arkeologi, Warisan arkeologi

Pendahuluan

Kajian arkeologi negara telah dijalankan sejak awal 1800-an. Pada masa kini, kajian arkeologi negara dijalankan dengan kerjasama pihak universiti, Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia serta muzium negeri. Arkeologi berada di bawah seliaan Jabatan Warisan Negara di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Ahli arkeologi perlu melakukan survei dan pemetaan untuk mencari tapak. Bukti ditemui di tapak terbuka seperti Bukit Bunuh dan tapak gua seperti Gua Niah. Tapak yang berpotensi kemudiannya dijalankan ekskavasi. Setiap ekskavasi memerlukan lesen ekskavasi yang mesti dipohon dan diperolehi daripada Jabatan Warisan Negara. Setiap temuan direkodkan secara terperinci dan akan dijalankan analisis saintifik untuk menjawab kepada persoalan siapa, bila, apa, kenapa, bagaimana dan lain-lain.


Sehubungan itu, arkeologi membekalkan artifak, ekofak, tapak dan juga maklumat saintifik tentang manusia awal di sesebuah kawasan yang kesemuanya adalah merupakan warisan arkeologi, iaitu warisan budaya masa silam.

Warisan Budaya Prasejarah


Prasejarah adalah sejarah awal zaman silam di mana manusia dikatakan hidup secara nomadik dengan susunan masyarakat yang ringkas tanpa tulisan dan bangunan. Walaupun kehidupan mereka ketika itu adalah sangat ringkas, namun mereka memulakan segala-galanya yang menjadi asas kepada kehidupan kita kini. Mereka didapati telah melakukan perubahan dalam pelbagai bentuk untuk kemajuan mereka pada ketika itu. Oleh sebab itu, ada antara maklumat daripada kehidupan mereka ini boleh dijadikan panduan dan pengajaran kepada kita untuk dijadikan asas pembinaan negara ke arah sebuah negara maju yang bermaruah.

Rajah 1 menunjukkan lokasi penemuan budaya prasejarah negara. Ianya ditemui di tapak terbuka dan gua. Lokasi tapak terbuka biasanya ditemui di tepi tasik, sungai dan pantai kuno. Gua dan pelindung batuan dipilih kerana merupakan rumah semulajadi. Berdasarkan lokasi pertama penghunian negara, iaitu di Lembah Lenggong, Perak, didapati sebab utama kawasan ini dipilih adalah kerana mempunyai banyak kelikir sungai di samping sekitaran tasik yang menyediakan banyak air minuman serta fauna dan flora sebagai sumber makanan. Kelikir sungai sangat penting sebagai bahan mentah untuk dijadikan alat batu mereka. Situasi sebegini didapati sama dengan bahagian lain dunia, di mana manusia awal memilih kawasan yang mempunyai tasik yang mempunyai banyak enapan kelikir sungai seperti tapak-tapak prasejarah di Afrika dan Eropah. Ini bermakna manusia awal pertama negara juga telah membuat pilihan tepat dalam kehidupan mereka.

Prasejarah negara menunjukkan Semenanjung Malaysia dan Borneo adalah merupakan pusat perkembangan kebudayaan prasejarah untuk rantau ini. Ianya bermaksud satu kawasan di sini telah dipilih dan dijadikan kawasan penghunian yang lama dan berterusan melibatkan pelbagai kebudayaan prasejarah. Lembah Lenggong, Perak, di Semenanjung Malaysia telah didiami bermula sejak 1.83 juta tahun dahulu manakala Lembah Mansuli, Sabah, di Borneo sejak 235,000 tahun dahulu (Rajah 2). Ini



Rajah 1: Lokasi tapak warisan budaya prasejarah Malaysia- Paleolitik, Neolitik dan Logam




Rajah 2: Urutan Kronologi Prasejarah Malaysia

menunjukkan kedua-dua kawasan ini mempunyai rekod konsentrasi penduduk pada tempoh masa yang lama dan menjadi pusat perkembangan budaya manusia. Berdasarkan bukti perkembangan teknologi, kedua-dua kawasan tersebut mendedahkan bukti perkembangan teknologi daripada batu ke tembikar dan akhirnya ke logam. Umumnya, ini adalah periodisasi prasejarah yang biasa dalam prasejarah dunia. Zaman teknologi batu dikenali sebagai budaya Paleolitik, tembikar sebagai budaya Neolitik dan logam sebagai budaya logam. Perubahan yang berlaku adalah berdasarkan sebab yang sama di seluruh dunia iaitu demi kemajuan dan hasil tindakan positif masyarakat ketika itu.

Ini menggambarkan bahawa masyarakat prasejarah Malaysia juga melaksanakan proses perubahan teknologi untuk terus membangun sebagaimana di bahagian lain dunia. Kemajuan teknologi prasejarah berkembang daripada hanya menggunakan bahan mentah secara terus, iaitu batu yang dijadikan alat batu ketika zaman Paleolitik, kepada boleh mengolah tanah liat untuk dijadikan tembikar (zaman Neolitik), dan kemudiannya boleh mengenalpasti, melombong, melebur dan menempa logam (zaman Logam). Perubahan positif di zaman prasejarah ini menjadi titik tolak kepada kemajuan yang kita ada sekarang. Data prasejarah ini menunjukkan bahawa inovasi dan penciptaan telah meningkatkan taraf hidup sesebuah masyarakat.

Zaman Paleolitik dicirikan oleh kehidupan sebagai pemburu-pemungut. Untuk memburu mereka menghasil dan menggunakan alat batu. Dalam suasana tiada alatan yang boleh dibeli, manusia Paleolitik menjadi kreatif dalam menghasilkan alatan daripada batu yang boleh digunakan terus, atau menjadi alat primer untuk menghasilkan alat sekunder daripada kayu, buluh, tulang dan lain-lain. Mereka bagaikan seorang “ahli geologi” yang mengenali jenis, bentuk dan saiz batuan terbaik untuk dijadikan pisau, parang, kapak dan gergaji yang mereka kehendaki. Sifat kreatif dan pemikiran logik yang digunakan telah membolehkan mereka terus hidup. Penelitian terhadap cara mereka membuat alat batu juga mendedahkan kemajuan teknologi daripada menghasilkan alat yang direpeh ringkas hanya pada satu hujung yang dikenali sebagai alat penetak, mereka kemudiannya boleh merepeh di sekeliling batu bagi menghasilkan alat pebel unifas dan kemudiannya boleh merepeh dan merapi di kedua belah permukaan menghasilkan kapak genggam dan alat pebel bifas (Rajah 3). Pada zaman Neolitik mereka mula menghasilkan

alat batu yang diasah dan digilap. Perubahan teknologi pembuatan alat batu ini merupakan satu kemajuan yang sesuai dengan bahan mentah dan kerja yang hendak dilakukan. Ini merupakan contoh tindakan yang efektif dan efisien.



Rajah 3: Perkembangan teknologi alat batu prasejarah
Bermula dengan alat batu Paleolitik yang direpeh ringkas iaitu (A) alat penetak dan (B) alat pebel unifas, kemudiannya direpeh kedua belah permukaan, iaitu (C) kapak genggam dan (D) alat pebel bifas, dan pada masa Neolitik alat batunya diasah dan digilap, iaitu (E) beliung

Apabila memasuki Neolitik, manusia awal mula pandai mengolah dan membentuk tanah liat menjadi bekas air, pinggan mangkuk dan periuk belanga yang kemudian dicorak, dipanas dan dikeringkan, iaitu mereka menghasilkan tembikar (Rajah 5). Ini semua adalah permulaan dan asas kepada pinggan mangkuk dan periuk belanga yang kita ada sekarang. Berdasarkan bukti terkini, perubahan ini berlaku secara amnya sekitar 5,000 tahun dahulu dengan rekod tembikar tertua negara ini ditemui di Gua Kajang, Lenggong, Perak yang berusia 7,000 tahun dahulu. Keupayaan manusia prasejarah menghasilkan tembikar pada ketika itu menunjukkan satu kemajuan teknologi di mana mereka sudah tahu mengolah tanah liat dan mengawal suhu api. Neolitik berkait dengan permulaan aktiviti pertanian dan penternakan yang memerlukan masyarakatnya menghasilkan bekas-bekas dengan bentuk-bentuk tertentu. Permulaan penempatan kekal juga merupakan ciri Neolitik. Ini mendorong masyarakatnya menghasilkan pinggan mangkuk dan periuk belanga yang lebih kekal dalam kehidupan seharian mereka. Tembikar Neolitik yang ditemui di seluruh negara didapati dicorakkan dengan pelbagai bentuk ragam hias seperti tanda tali, ukiran geometrik dan sebagainya yang mendedahkan hasil kesenian prasejarah. Sebagai manusia, kita tidak dapat lari daripada menghasilkan pelbagai bentuk seni yang menjadi ciri dan identiti zaman, bangsa maupun

negara. Justeru itu, sebagai manusia walau apapun tugas dan jawatan kita tidaklah boleh kaku, perlu dihiasi dengan seni kerana ianya menggambarkan kreativiti kehidupan kita.



Rajah 4: Tembikar hasil warisan budaya Neolitik yang merupakan lambang peningkatan teknologi manusia

Pada zaman Neolitik juga muncul alat batu yang dikenali sebagai pemukul kulit kayu (Rajah 5). Alat ini adalah alat batu yang dibentuk ukiran pada satu sisi permukaan batuan sama ada garis-garis lurus atau bersilang yang diguna untuk melembutkan kulit kayu bagi dijadikan pakaian. Alat ini adalah sama fungsinya seperti cop batik yang gunakan hari ini. Penghasilan alat ini menunjukkan kreativiti manusia Neolitik dalam menghasilkan alat mengikut keperluan fungsinya, walaupun sebenarnya adalah sangat sukar untuk menghasilkan bentuk garis-garis itu di permukaan batuan. Perkara ini menunjukkan tiada apa yang mustahil yang tidak dapat dilakukan asalkan ada usaha dan keyakinan.



Rajah 5: Alat batu pemukul kulit kayu merupakan warisan budaya Neolitik

Neolitik negara juga merekodkan adanya aktiviti perdagangan dalam bentuk sistem pertukaran barang sejak sekitar 3,000 tahun dahulu antara masyarakat Neolitik

Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah dengan kepulauan Pasifik yang meliputi jarak sejauh sekitar 3,000 km. Bukti pertukaran barang yang dilakukan ialah antara batu obsidian di kepulauan Pasifik yang ditemui di Bukit Tengkorak dengan tembikar yang dihasilkan di sini. Bukti ini menunjukkan bahawa selain mencipta, manusia prasejarah juga memulakan perniagaan dan perdagangan dalam kehidupan mereka.

Gua Harimau, Lenggong, Perak mendedahkan penemuan kapak gangsa dan acuannya (Rajah 6). Bayangkan pada masa itu ada manusia prasejarah yang telah kenal kuperum dan bijih timah untuk boleh mencampurkannya menjadi gangsa. Mereka juga perlu meleburkannya untuk dibentuk dalam acuan menjadi kapak gangsa. Ini menunjukkan sekitar 3,000 tahun dahulu, masyarakat prasejarah Malaysia telah berupaya mengawal suhu api sehingga melebihi 1000°C.

Maka, warisan budaya masa silam negara jelas memperlihatkan kemajuan kemanusiaan dan teknologi. Budaya mencipta telah membolehkan mereka maju sama seiring dengan bahagian lain dunia. Keupayaan mengawal suhu api atau piroteknologi daripada zaman Paleolitik ke zaman Logam membolehkan kita terus maju sehingga kini. Pendekata, warisan budaya prasejarah negara adalah sangat penting dan boleh dijadikan asas untuk pembinaan negara

Warisan Budaya Tamadun Awal

Bukti terkini daripada kajian arkeologi di Kompleks Sungai Batu, Kedah sejak tahun 2009 sehingga kini telah mendedahkan bukti tamadun tertua di Asia Tenggara, bermula sejak sekurang-kurangnya kurun keenam Sebelum Masihi. Kajian sehingga kini menemui satu kompleks tamadun yang terdiri daripada monumen ritual, jeti, pentadbiran dan bengkel peleburan besi. Bukti ini merupakan petunjuk kepada Kerajaan Kedah Tua yang dikesan mula memerintah pada kurun ke-6 Sebelum Masihi di Kompleks Sungai Batu. Ini bermakna, tamadun Asia Tenggara bermula di negara kita, di Kompleks Sungai Batu. Begitu istimewa negara ini.

Kompleks Sungai Batu telah digunakan lebih daripada 2,600 tahun dengan bukti perkembangan Kerajaan Kedah Tua berasaskan ekonomi industri besi. Keistimewaan geomorfologi kompleks Sungai Batu yang berdekatan dengan laut, mempunyai sungai yang lebar dan dalam untuk kemudahan kapal, serta mempunyai sumber air tawar, fauna,

flora dan bahan mineral serta batuan yang banyak di sekelilingnya merupakan antara faktor kepada pemilihan kawasan pertama Kerajaan Kedah Tua pada ketika itu. Kerajaan Kedah Tua didapati sangat maju dan berteknologi tinggi. Mereka mempunyai perusahaan peleburan besi dengan kemahiran menghasilkan jongkong besi untuk dieksport (Rajah 6). Rekod mendedahkan jongkong besi Kedah Tua sampai hampir ke seluruh dunia untuk dijadikan senjata dan kereta kuda, dan didapati nama panggilan Kedah Tua daripada seluruh dunia membawa maksud pelabuhan dan besi, seperti kataram dan kadaram (India), chieh-cha (China), queda (Eropah), kalah (Arab) serta kataha (bahasa Sanskrit). Keperluan masyarakat industri besi Kedah Tua ini juga ditemui khasnya senibina jeti dan pelabuhan, serta pusat pengurusan pelabuhannya. Sebuah monumen ritual yang digunakan oleh masyarakat industri ini juga turut ditemui. Ini menunjukkan teknologi masyarakat tamadun awal Malaysia adalah sangat tinggi sehingga sudah mempunyai industri berat sejak kurun keenam Sebelum Masihi lagi malah boleh mengeksportnya hampir di seluruh dunia.



Rajah 6: Jongkong besi Kedah Tua yang dieksport hampir seluruh dunia

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara amnyanya, hasil kajian arkeologi atau bukti warisan budaya silam ini akan diterbitkan oleh penyelidik, artifak dan ekofak bersama data dipamerkan di muzium, serta ada tapak yang dibangunkan muzium atau galeri tapak. Sejak 1900-an, muzium telah dibangunkan di negara ini seperti Muzium Perak dan Muzium Sarawak, untuk mempamerkan khazanah negara. Antara muzium tapak pula ialah Muzium Agop Batu Tuluk, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Galeri Arkeologi Lenggong dan Muzium


Arkeologi Bukit Tengkorak. Selain memberikan peluang pekerjaan dan tambahan pendapatan melalui pakej pelancongan negara, kesemua ini adalah bertujuan untuk jati diri, rasa sayang dan bangggakan negara yang mempunyai sejarah awalnya di samping juga sebagai produk arkeopelancongan.

Akan tetapi majoriti masyarakat masih bertanya apakah faedah dan sumbangan arkeologi kepada mereka dan negara. Terus timbul persoalan “penting ke benda ini.....untuk siapa?”. Apatah lagi setiap kajian arkeologi yang dijalankan akan menggunakan wang rakyat yang bukan sedikit. Sejak sebelum merdeka lagi, ramai menganggap dan mengelaskan artifak dan ekofak sebagai barang antik. Sehingga pihak British telah menggunakan peluang semasa mereka menjajah untuk mengumpulkan sebanyak mungkin khazanah negara ini dan dibawa pulang ke negara mereka.

Kini pada abad ke-21 Malaysia telah mempunyai pelbagai tapak yang mewakili pelbagai budaya dengan artifak dan ekofak yang tersendiri, Akta Warisan 2005, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Muzium Malaysia, pelbagai muzium, penyelidik, makmal penyelidikan, jurnal, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia dan yang lain-lain, yang kesemuanya menunjukkan arkeologi Malaysia sudah berada di jalan yang betul dalam menyumbang dan melengkapkan bukti warisan budaya zaman silam negara.

Sebagaimana bahagian lain dunia yang kini telah menjalankan agenda masyarakat dan negara kepada arkeologi secara sepenuhnya maka Malaysia perlu berada pada strategi yang sama. Rajah 7 menunjukkan skop penglibatan masyarakat yang boleh dan perlu kita pertingkatkan di negara kita ini. Peringkat awal iaitu melibatkan mereka dalam kerja asas arkeologi, diikuti dengan pemindahan ilmu pemuliharaan dan pemeliharaan untuk memastikan “rasa sayang” kepada warisan budaya. Ini dapat memastikan sumber arkeologi akan terselamat secara semulajadi di peringkat lokal tanpa memerlukan ahli arkeologi atau pengurus warisan budaya sentiasa berada di tapak. Seterusnya memberikan peluang dan membantu masyarakat membangunkan pakej sokongan, urus tadbir, modal insan, promosi, prasarana dan produk kraftangan tempatan di sekitar tapak. Kesemua ini akan dapat membantu indusri arkeopelancongan yang kini didapati menjadi salah satu sumber ekonomi yang berkembang hebat di seluruh dunia.

.



Rajah 7: Masyarakat & Negara & Arkeologi: Sumber Ekonomi Masa Depan

Di Eropah, tahun 2018 telah diisytiharkan sebagai *European Year of Cultural Heritage (EYCH)*. EYCH bertujuan untuk menonjolkan dengan lebih hebat dan holistik akan kepentingan warisan budaya kepada nilai sosial dan pendidikan, sumbangannya kepada peluang pekerjaan dan pembangunan, serta meningkatkan nama baik Eropah kepada dunia melalui bidang arkeologi. Ini menunjukkan Eropah sudah menyusun strategi kearah hubungan sebenar masyarakat dan arkeologi. Contohnya, bandar Barcelona, Sepanyol yang terkenal sebagai bandar muzium telah mengambil pendekatan drastik daripada EYCH dengan memastikan semua pameran dan aktiviti arkeologi mereka betul-betul “hidup” dan melibatkan semaksima mungkin masyarakat awam.

Semua ini adalah bertujuan untuk menjawab apakah hubungan warisan budaya, pengurusanannya dengan pembangunan manusia? apakah fungsi utama arkeologi dalam masyarakat, sosio-ekonomi global dan cabaran budaya? bolehkah ahli arkeologi dan pengurusan warisan budaya mengambilkira penglibatan masyarakat umum dalam penyelidikan dan pengurusan?

Dalam perbincangan terkini ahli arkeologi seluruh dunia telah membincangkan bagaimana warisan budaya arkeologi boleh menyumbang kepada kedamaian global: ahli arkeologi sebagai pemudahcara dan perantara antara yang lalu dan masa akan datang? “ahli arkeologi sebagai pemandu arah ke masa depan”, kenapa ahli arkeologi perlu berbicara tentang masa depan pembangunan manusia dan kedamaian? Apakah bentuk sumbangan mereka yang boleh disumbang untuk menyokong konsep persefahaman global?

Semua ini timbul kerana perdamaian yang positif di peringkat lokal, national dan global adalah datang daripada satu perkembangan dan perjalanan ilmu, pendidikan dan

pertemuan. Oleh kerana itu arkeologi boleh dan sepatutnya menjadi pemudahcara suatu dialog, pengantara antara perbezaan budaya. Untuk memenuhi cabaran umum ini akan melibatkan penelitian semua aspek teori dan praktikal arkeologi daripada agenda dan penyelidikan kepada pengurusan warisan budaya. Perlu kepada perancangan strategi untuk menyelitkan agenda arkeologi dalam sektor pendidikan, ekonomi termasuk pelancongan. Sangat penting untuk melatih ahli arkeologi muda dan pengurus warisan budaya untuk bersedia dengan fungsi utama arkeologi yang bukan sahaja tentang penemuan, interpretasi dan hubungan masa lalu, tetapi juga terlibat secara aktif dalam pembentukan asas masa depan yang bermakna untuk anak cucu dan generasi akan datang.

Walau apapun, bukti arkeologi terkini di Malaysia jelas menunjukkan kepentingan negara ini kepada prasejarah dan tamadun dunia. Kesemua bukti budaya warisan silam negara ini menunjukkan bahawa manusia awal negara ini mempunyai kebudayaan yang tinggi dan maju selaras dengan aktiviti yang mereka lakukan. Mereka mempunyai pemikiran logik dalam setiap tindakan, berkemanusiaan, bertamadun dan berteknologi tinggi. Secara umumnya, dapat dilihat bahawa kemajuan manusia daripada zaman Paleolitik memasuki tamadun awal sehingga sekarang bergantung kepada keupayaan mencipta, penyebaran ilmu dan kesanggupan melakukan migrasi. Hal ini adalah asas kepada perubahan dan kemajuan serta pembangunan budaya. Perkara yang sama berlaku di tamadun awal dunia yang lain seperti Mesopotamia, Mesir, Indus dan lain-lain.

Pendekata, data budaya warisan silam ini wajib dijadikan pengajaran dan contoh teladan untuk kita memajukan bangsa dan negara. Sifat jati diri dan sayangkan negara boleh kita pupuk berasaskan data budaya warisan ini yang jelas menunjukkan bahawa masyarakat awal kita sudah mempunyai teknologi dan peradaban yang sangat tinggi kedudukannya.

RUJUKAN

- Adi Taha. 1991. Perkembangan sejarah awal negeri Kedah berdasarkan penemuan bahan-bahan arkeologi. *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman, Kedah* (hlm. 20–28). Kedah: Lembaga Muzium Negeri Kedah.
- Allen, J.S. 1988. Trade and site distribution in early history-period Kedah: Geoarchaeology, historic, and locational evidence. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan, University of Hawaii.
- Carbone, F., 2016a, 'Cultural Heritage Quality Management: Analysis of archaeological heritage managers' perception, *European Journal of Tourism Research*, 14: 114-118.
- 2016b, An insight into cultural heritage quality management of tourism sites. *European Journal of Tourism Research*, 14: 75-91.
- Chia, S. 2018, *Sejarah dan Perkembangan Arkeologi di Malaysia: Isu, cabaran dan Masa Depan*, Siri Syarahan Umum Perlantikan Profesor USM.

- Goh, H M, Shaiful Sahidan, Mokhtar Saidin, Curnoe, D, Mendoza, R, Adler, S, Chaw Y S, Ken, K E, Velat Bujeng, Suresh Narayanan and Jaffrey Abdullah, 2019, Revisiting the 3000-year-old Neolithic burial ground of Gua Harimau, West Malaysia, *Archaeological Research in Asia*, 18:120-129.
- Hoyland, R.G. & Gilmour, B. 2006. *Medieval Islamic Sword and Swordmaking*. Gibb: Memorial Truss.
- Mohd Supian Sabtu. 2002. *Tamadun Awal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar Saidin and Shaiful Shahidan, Engaging Archaeology through Performing Arts: Prospect and Challenges in Malaysia, *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 18:1-9.
- Mokhtar Saidin & Ibrahim Komoo (eds), *Jerai Geopark: Warisan Geologi, Geoarkeologi dan Biologi*, Penerbit USM
- Mokhtar Saidin, Jeffrey Abdullah, Abd Jalil Osman & Azman Abdullah. 2011. Issues and problems of previous study in Bujang Valley and the discovery of Sungai Batu. Dalam S. Chia & B.W. Andaya (Ed.), *Bujang Valley and Early Civilizations in Southeast Asia*. Kuala Lumpur: National Heritage Department.
- Mokhtar Saidin and P S Tacon (2011) The recent rock drawing of the Lenggong Valley, Perak, Malaysia, *Antiquity*, 85:459-475.
- Mokhtar Saidin dan Suprayitno, 2011, Prosiding Seminar Antarabangsa "Mengungkap peradaban Asia Tenggara melalui tapak Padang Lawas, Sumatera dan tapak Sungai Batu, Kedah", Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM
- Mokhtar Saidin. 2011. *Dari Zaman Batu Ke Tamadun Awal di Malaysia Pemerkasaan Jati Diri Bangsa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mokhtar Saidin, 2010, *Bukti prasejarah di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nasha bin Rodziadi Khaw, Shaiful Shahidan, Nazarudin Zainun & Mokhtar Saidin (2019). The Post-14th Century Ancient Kedah: A Port In Decline?. The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences, LXVIII. 25-3
- Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun dan Mokhtar Saidin (eds), 2019, *Lembah Sungai Merbok-Muda: dari era kemerosotan Kedah Tua hingga pasca kemerdekaan*, Penerbit USM
- Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun dan Mokhtar Saidin, 2015, *Pensejarahan Kedah Tua: satu kritikan sumber dan tafsiran*, UTHM Press.
- N. Rahman, N. A. Ismail, M. M. Saidin, 2019, Shell mound investigation at Guar Kepah (Penang, Malaysia) using 2-D resistivity imaging for Archaeological Investigation, *Journal of Physical Sciences*, 30 (1)
- Oosterbeek, L dan Pollice, F., 2014 *Cultural heritage and local development: local communities through heritage awareness and global understanding*, Centro Universitario Europeo Publication. .
- Raddatz, E dan M Saidin. 2016. Lithic assemblages and land-use in Malaysia. *Lithics*, 29:69
- Renfrew C dan Bahn P. 2012 *Archaeology. Theories, Methods and Practice* (6th edn.), Thames & Hudson, London, UK.
- Storey, M, R G Roberts and Mokhtar Saidin (2012) An astronomically calibrated $^{40}\text{Ar}/^{39}\text{Ar}$ age for the Toba super-eruption and global synchronization of the Quaternary records, *Proceedings of National Academic Science of the United States of America (PNAS)*, 109 (46):18684-18688.
- Suresh Narayanan, Nasha Rodziadi Khaw dan Mokhtar Saidin (eds), 2019, *Kebudayaan Prasejarah, Etnografi dan Orang Asli*, Koleksi Kertas kerja Seminar Arkeologi Kebangsaan Ke-4, Penerbit Pusat Penyelidikan Arkeologi Global & Pihak Berkuasan Pelaksanaan Koridor Utara.
- Suresh Narayanan, Nasha Rodziadi Khaw dan Mokhtar Saidin (eds), 2019, *Arkeologi Kedah Tua: Sumbangan data terkini dari perspektif warisan, seni dan budaya*, Koleksi Kertas kerja Seminar Arkeologi Kebangsaan Ke-4, Penerbit Pusat Penyelidikan Arkeologi Global & Pihak Berkuasan Pelaksanaan Koridor Utara.
- Takakusu. J. 1966. *A Record of the Buddhist Religion as Practiced in India and the Malay Archipelago (ad 671–695)*. Delhi: Munshiram Manoharlal.
- Zuraina Majid, 1989, *Tamadun awal Melayu: masalah dan cabaran dalam perkembangan arkeologi Malaysia*, DALAM Hussein, I, Deraman, A dan Al-Ahmadi, A R (eds) *Tamadun Melayu*, 1, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 1996, *Prasejarah Malaysia: sudahkah zaman gelap menjadi cerah*, Siri syarahan umum perlantikan profesor USM.